

## Fiqh Islam dan Keselamatan Makanan: Perspektif Semasa Pasca Pandemik COVID-19

*[Islamic Jurisprudence and Food Security: A Contemporary Perspective in the Post-COVID-19 Era]*

Ahmad Syihan Ismail (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, 02600, Perlis, Malaysia. [syihani@mail@unisiraj.edu.my](mailto:syihani@mail@unisiraj.edu.my)

Abdul Salam Zulkifli

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, 02600, Perlis, Malaysia. [abdulsalam@unisiraj.edu.my](mailto:abdulsalam@unisiraj.edu.my)

Ahmad Hamdani Fakhruddin Mukhtar

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, 02600, Perlis, Malaysia. [ahmadhamdani@unisiraj.edu.my](mailto:ahmadhamdani@unisiraj.edu.my)

Mohd Hanif Hazahari

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, 02000, Perlis, Malaysia. [hanifhazahari@unisiraj.edu.my](mailto:hanifhazahari@unisiraj.edu.my)

Article  
Progress:

Submission date:  
20-05-2025

Accepted date:  
20-06-2025

### ABSTRACT

The COVID-19 pandemic introduced unprecedented challenges to global food security, affecting food distribution, market stability, and consumer access. This article examines the perspective of Islamic jurisprudence (fiqh) in managing food security during crises, highlighting the flexibility and ethical foundations of fiqh rulings in supporting equitable resource distribution. Based on Islamic legal mechanisms for maintaining food security in the post-COVID-19 era, the article underscores the role of Islamic financial instruments, legal contracts, and community responsibility in ensuring sustained access to and availability of food supplies.

**Keywords:** Islamic fiqh, food security, COVID-19, Islamic finance, community welfare, crisis management

## PENDAHULUAN

Pandemik COVID-19 mendedahkan kerentanan dalam sistem makanan global, daripada gangguan rantaian bekalan hingga kenaikan harga barang asas. Situasi ini mendorong penilaian semula langkah keselamatan makanan, terutamanya dalam komuniti yang berpandukan undang-undang Islam. Fiqh Islam menekankan keadilan, kesejahteraan komuniti, dan perdagangan yang adil-prinsip-prinsip penting untuk menghadapi krisis sebegini. Artikel ini memfokuskan pada peranan fiqh dalam menangani keselamatan makanan sepanjang COVID-19 di mana fiqh menjadi asas kepada penyelesaian terhadap cabaran sosial dan ekonomi.

## SOROTAN LITERATUR

Kajian terdahulu menekankan kemampuan hukum-hakam Islam dalam memenuhi keperluan Masyarakat (Sufyani, 2020). Kajian menunjukkan instrumen kewangan Islam, seperti sedekah dan zakat membantu meringankan kemiskinan dan menyokong akses makanan. Literatur juga meneroka fiqh muamalat Islam dalam pengurusan krisis, dengan menekankan kebolehan meminda perjanjian kontrak dalam situasi yang tidak dijangka seperti pandemik.

Kajian literatur dalam bidang keterjaminan makanan dalam perspektif Islam menunjukkan bahawa keterjaminan makanan bukan sahaja satu keperluan asas, tetapi juga tanggungjawab penting yang perlu dilaksanakan oleh semua golongan dalam masyarakat, termasuk pihak berkuasa. Menurut As-Syubrumi (1436 H), isu keterjaminan makanan negara dalam sudut fiqh banyak menjurus kepada hak-hak yang perlu dititik beratkan samada dari pemerintah atau dari rakyat. Fokus kajian ini berkaitan pembahagian-pembahagian penting di dalam masalah keterjaminan makanan dan hubungannya dengan Fiqah Islam.

Manhaj Syariah di dalam pengurusan tanah, pertanian dan sumber air dapat dilihat di dalam sistem kewangan Islam yang membantu pengurusan hal ehwal tanah, pertanian dan sumber air. Hal ini dapat dilihat pada kajian sukuk, pelaburan akad salam dan percukaian yang menjurus kepada hal ehwal tanah dan pertanian (Iyadi, 1419 H).

Keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa fiqh Islam menyediakan satu kerangka yang kukuh dalam memastikan keterjaminan makanan melalui pendekatan yang adil, lestari, dan beretika. Krisis Covid 19 telah membawa kepada kajian baru berkenaan dengan fiqh Islam ketika krisis berlaku. Sufyani (1442 H) menjelaskan khidmat fiqh Islam dalam menguruskan krisis besar ini. Prinsip-prinsip fiqh yang menyeluruh ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan masyarakat, dari dasar ekonomi dan pengurusan kekayaan, hingga ke kaedah penyelesaian krisis

yang berkesan. Kajian-kajian ini menekankan relevansi fiqh dalam mengatasi cabaran keterjaminan makanan dan mengekalkan kestabilan sosio-ekonomi masyarakat dalam jangka panjang.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metode kualitatatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan berpandukan sumber utama Islam, termasuk al-Quran dan Hadith, serta interpretasi perundangan mengenai keselamatan makanan semasa krisis. Kajian berfokus kepada mekanisme fiqh yang digunakan bagi menyokong keselamatan makanan sepanjang pandemik COVID-19.

## DAPATAN DAN PERBAHASAN KAJIAN

### Keselamatan Makanan dan Prinsip-Prinsip Muamalat Islam

Undang-undang Islam mengutamakan *maslahah* (kepentingan umum) dan *adl* (keadilan), khususnya dalam situasi krisis sepanjang pandemik berlaku. Untuk memastikan bekalan makanan yang stabil, maka menjadi kewajipan kolektif (*fard kifayah*) kepada pihak yang bertanggungjawab untuk mengelakkan *gharar* (ketidakpastian) di dalam urusan pembekalan dan jual beli. Hakikat *gharar* dapat dilihat apabila seseorang yang terlibat di dalam urusan muamalat tetapi tidak mengetahui kesan selepas muamalat tersebut (Ibnu Taimiah, 1422 H). Iaitu pihak yang berakad berada di dalam keadaan sama ada untung atau rugi. Akibatnya jika salah seorang dari mereka untung maka pihak yang lain akan mendapat kerugian. Justeru di dalam masalah ini pihak berkuasa menggalakkan penetapan harga yang adil dan melarang amalan eksplotasi untuk melindungi pengguna. Penglibatan pemerintahan dalam hal berkaitan *maslahah* dijelaskan oleh Ibnu Nujaim Al-Hanafi (1997):

فَعْلُ شَيْءٍ مِّنَ الْحَاكِمِ لِمَصْلَحةٍ يِرَاهَا وَإِنْ لَمْ يِرِدْ بِهِذَا الْفَعْلِ دَلِيلٌ جُزْئِيٌّ

"Melakukan sesuatu oleh penguasa demi kepentingan yang dilihatnya, meskipun tidak ada dalil khusus yang mendasari tindakan tersebut."

*Maslahah* yang berubah menyebabkan sesuatu hukum hendaklah dilihat secara kolektif. Sebagai contoh masalah *al-tas'ir* (penetapan harga). Sahabat nabi meminta nabi meletakkan harga, tetapi nabi tidak menerima saranan sahabat nabi. Ini menyebabkan ada ulama yang mengharamkan penetapan harga berdasarkan hadis ini:

من حديث أنس قال: غلا السعر على عهد رسول الله صلى الله عليه وسلم، فقالوا: يا رسول الله سعر لنا، فقال: إن الله هو المسعر القابض الباسط الرزاق وإنني لأرجو أن ألقى ربي وليس أحد منكم يطلبني بظلمة في دم ولا مال (أخرجه أبو داود والترمذى).

"Pada masa Rasulullah ﷺ, harga barang menjadi mahal, lalu orang-orang berkata: 'Wahai Rasulullah, tetapkanlah harga untuk kami.' Rasulullah ﷺ menjawab: 'Sesungguhnya Allah adalah yang menentukan harga, yang menyempitkan dan melapangkan rezeki, serta pemberi rezeki. Aku berharap boleh bertemu dengan Tuhanmu tanpa ada seorang pun di antara kalian yang menuntutku atas kezaliman dalam hal darah maupun harta.'"

(Diriwayatkan Abu Daud dan Tirmizi)

Konteks sebenar hadis ini adalah nabi tidak menetapkan harga kerana tidak ada keperluan (*maslahah*) ketika itu untuk ditetapkan harga. Jika berubah keadaan dan adanya *maslahah* maka tidak menjadi halangan untuk ditetapkan harga tertentu dan bukanlah bertentangan dengan arahan nabi saw (Ajlan, 2022). Menurut Syubaili (t.t), syarat untuk penetapan harga boleh dikelaskan kepada tiga perkara:

1. Keperluan manusia kepada barang tersebut
2. Adanya unsur monopoli oleh pengeluar dan peniaga
3. Berlakunya unsur jual beli kepada kumpulan tertentu.

Pada perbincangan ini hubungan perkara *ibahah* (harus) dan *nas* yang berkait dengan *maslahah* penting untuk diukur ketika proses pengeluaran hukum fatwa. Justeru kefahaman secara mendalam *nas* dan konteks, usul, kaedah dan cara membina sesuatu hukum penting kerana hukum berkaitan uruf yang terdapat di dalam *nas* adalah terhad. Jadi *ijtihad* para ulama menggunakan kaedah *uruf* tidaklah melihat kepada *nusus* syarak semata-mata. Pada dasarnya hukum yang dibina pada *uruf* ini banyak berlaku pada masalah yang tiada *nas*. Sebagai contoh hukum jual beli, hukum nafkah dan hukum kekeluargaan.

Masalah keadilan didalam muamalat Islam sebagai tonggak keterjaminan makanan boleh dilihat pada isu berkaitan unsur-unsur kezaliman di dalam jual beli. Hukum berlaku zalim dalam muamalat adalah haram berdasarkan dalil:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَن تَكُونَ بِخَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu memakan harta sesama kamu dengan jalan yang batil (tidak halal), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan atas dasar saling redha-meredhai di antara kamu." (Surah An-Nisa, Ayat 29)

Implikasi berlaku zalim di dalam urusan muamalat menyebabkan berlaku *khiyar* (pilihan) untuk meneruskan atau membatalkan jual beli yang berlaku. Unsur-unsur zalim di dalam muamalat boleh dilihat pada isu *ghabn*. *Ghabn* dalam konteks jual beli merujuk kepada situasi di mana berlaku kerugian akibat ketidakseimbangan harga atau penipuan dalam penilaian barang. Secara ringkas, *ghabn* adalah suatu bentuk ketidakadilan dalam transaksi yang menyebabkan salah satu pihak (biasanya pembeli) mengalami kerugian kerana harga yang dibayar adalah lebih tinggi daripada nilai sebenar barang atau perkhidmatan yang diterima (Syubaili, t.t).

لما روي: أَن حَبَّانَ بْنَ مَنْقِذٍ كَانَ يَخْدُعُ فِي الْبَيْعِ، فَذَكَرَ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: إِذَا بَعْتَ فَقْلًا: لَا خَلَابَةُ، وَلَكَ الْخَيْرُ ثَلَاثًا.

"Diriwayatkan bahawa Hibban bin Munqidh sering ditipu dalam jual beli. Maka dia menyebutkan hal itu kepada Nabi SAW. Lalu Nabi bersabda kepadanya, 'Apabila kamu hendak berjual beli, katakanlah: La khilabah (tiada penipuan), dan kamu berhak untuk memilih (membatalkan atau meneruskan jual beli) selama tiga hari.'" (HR Bukhari dan Muslim).

Dalam konteks ini, Nabi Muhammad SAW memberikan panduan kepada Hubban bin Munqidh untuk memastikan keadilan dalam transaksi dan memberikan hak pilihan untuk menghindari ketidakadilan akibat ditipu. *Ghabn* boleh berlaku dalam dua bentuk utama:

1. *Ghabn Fahish* (Ketidakadilan Ketara): Merujuk kepada perbezaan harga atau nilai yang sangat ketara sehingga jelas menunjukkan ketidakadilan dalam transaksi. Dalam kes ini, pihak yang mengalami kerugian boleh membatalkan kontrak kerana telah tertipu dengan perbezaan harga yang tidak seimbang.

2. *Ghabn Yasir* (Ketidakadilan Ringan): Ini merujuk kepada perbezaan harga yang kecil dan dianggap biasa dalam jual beli. Dalam situasi ini, ketidakadilan dianggap tidak mencukupi untuk membatalkan kontrak, dan transaksi biasanya tetap sah.

Dalam undang-undang jual beli Islam, *Ghabn* dianggap sebagai elemen yang boleh menjelaskan keabsahan transaksi, terutamanya apabila ia melibatkan penipuan atau penyembunyian maklumat mengenai nilai sebenar barang.

Maka jelaslah perkaitan prinsip perundangan Islam di dalam keterjaminan makanan banyak dilihat pada *maslahah* pemerintah supaya keperluan rakyat terjaga, keadilan di dalam jual beli yang menjadi asas kepada keterjaminan makanan dan juga mengeluarkan unsur-unsur kezaliman bagi memastikan keabsahan di dalam jual beli, apatah lagi melibatkan bekalan makanan dan juga pasaran (Ismail, 2022).

### **Peranan Sukuk Islam Bagi Menjamin Keterjaminan Makanan**

Sukuk merupakan salah satu instrumen kewangan Islam yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi, termasuk dalam sektor pertanian dan keselamatan makanan. Kajian akan menyoroti definisi sukuk, ciri-cirinya, dan peranannya dalam memastikan ketersediaan makanan.

Sukuk berasal daripada istilah bahasa Arab yang bermaksud "dokumen atau sijil" yang mencerminkan pemilikan bersama terhadap aset tertentu. Sukuk adalah dokumen kewangan yang mewakili pemilikan bersama terhadap aset-aset tertentu, manfaat, atau perkhidmatan yang dijanakan melalui pelaburan syariah (AAOIFI, 2007).

Dalam perbincangan ini, jenis sukuk yang menjadi perhatian adalah sukuk pertanian kerana ia terlibat secara langsung dengan keterjaminan makanan. Sukuk ini melibatkan pengeluaran sijil kewangan untuk tujuan membayai projek-projek pertanian seperti penanaman tanaman asas. Hasilnya digunakan untuk memastikan ketersediaan bekalan makanan yang berterusan.

Ciri-ciri utama sukuk pertanian dapat dilihat pada dokumen kewangan yang diagihkan kepada pelabur, yang memberikan pemilikan terhadap aset pertanian. Menggabungkan modal dari pelbagai pihak untuk mengusaha tanah, membeli benih, baja, dan alat-alat pertanian. Keuntungan dari hasil pertanian diagihkan kepada pelabur berdasarkan nisbah yang dipersetujui (Fatah, 2016).

Manakala tuntutan syariah dalam sukuk pertanian adalah mereka perlu mematuhi prinsip asas muamalat Islam, termasuk larangan riba dan gharar. Mengelakkan unsur spekulasi atau penjualan dokumen yang tidak mencerminkan pemilikan aset sebenar (Mirah, t.t).

Peranan sukuk dalam keterjaminan makanan dapat dilihat pada peningkatan pengeluaran makanan. Sukuk menyediakan modal untuk membiayai operasi pertanian besar-besaran, memastikan ketersediaan makanan asas untuk masyarakat. Malah sukuk membantu pengusaha kecil dan sederhana dalam sektor pertanian untuk berkembang, sekali gus meningkatkan hasil pertanian (Umar, 2013). Sukuk membantu dari sudut sokongan ekonomi domestik melalui pengeluaran dalam negeri, sukuk membantu mengurangkan kebergantungan kepada import makanan dan meningkatkan daya tahan ekonomi tempatan.

Sukuk merupakan alat kewangan yang berkesan dalam menangani cabaran keselamatan makanan global. Melalui pembiayaan berdasarkan syariah, ia bukan sahaja mematuhi prinsip Islam tetapi juga menyumbang kepada pembangunan pertanian dan pengukuhan ekonomi komuniti. Penggunaan sukuk dalam sektor ini mencerminkan bagaimana instrumen kewangan Islam dapat memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan asas manusia.

### **Kedudukan Cukai dalam Menjamin Keselamatan Makanan menurut Perspektif Fiqh**

Cukai merupakan instrumen kewangan yang sering digunakan oleh negara untuk membiayai keperluan awam, termasuk keselamatan makanan. Dalam perspektif Islam, cukai mempunyai peranan yang penting, tetapi ia perlu dilaksanakan mengikut batas-batas syariat. Artikel ini akan membincangkan definisi cukai, implikasi fiqh, dan peranannya dalam keselamatan makanan.

Dari segi bahasa cukai (**ضربيّة**) bermaksud sesuatu yang dikenakan ke atas harta atau individu sebagai sumbangan kepada perbendaharaan negara. Dalam istilah klasik, cukai sering dirujuk sebagai doribah yang diambil daripada pedagang pada titik pemeriksaan tertentu (Khawarizmi, t.t).

Menurut pandangan fuqaha, cukai adalah satu bentuk kewajipan kewangan yang dikenakan oleh negara kepada individu, sama ada secara langsung atau tidak langsung, bagi membiayai keperluan masyarakat, khususnya dalam situasi kekurangan dana awam Hamad, (1435 H).

Cukai menurut perspektif Islam merupakan keharusan berdasarkan keperluan. Cukai hanya boleh dikenakan apabila terdapat keperluan yang mendesak, seperti kekurangan dana awam untuk tujuan pembangunan dan kesejahteraan rakyat. Prinsip asas percukaian adalah keadilan dan kesamarataan. Cukai mesti dikenakan secara adil, tidak membebankan golongan tertentu, dan memberikan manfaat kepada semua lapisan masyarakat (Syeikh, 2020). Cukai memerlukan khidmat nasihat dengan golongan ulama dan pakar, serta mesti mendapat persetujuan yang sah dari sudut syarak.

Peranan cukai dalam menjamin keselamat makanan dapat dilihat pada tanggungjawab pembiayaan infrastruktur pertanian dari hasil cukai. Pembangunan infrastruktur pertanian seperti sistem pengairan, penyediaan benih, baja, dan alat pertanian membantu bidang pertanian untuk meningkatkan hasil pendapatan. Subsidi kepada petani dan pengusaha kecil dari hasil cukai akhirnya membantu meningkatkan pengeluaran makanan (Syarif, 2013). Negara boleh menggunakan hasil cukai untuk mengawal harga makanan asas, memastikan ia tetap mampu milik kepada rakyat, terutamanya dalam situasi krisis. Dana kecemasan sebahagian daripada hasil cukai boleh dijadikan tabung kecemasan untuk menghadapi bencana alam atau kekurangan bekalan makanan.

Prinsip-prinsip syariah dalam perlaksanaan cukai sepertimana yang digariskan oleh Tarhuni (2019):

1. Cukai tidak boleh menggantikan kewajipan zakat dan mesti selaras dengan maqasid syariah.
2. Semua hasil cukai harus digunakan untuk tujuan yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat umum.
3. Pentadbiran cukai mesti dilakukan dengan penuh integriti dan telus kepada masyarakat.

Dalam usaha menjamin keselamatan makanan, cukai boleh menjadi salah satu alat yang penting, asalkan pelaksanaannya mengikut prinsip Islam. Pelaksanaan cukai yang berlandaskan keadilan dan keperluan akan menyumbang kepada pembangunan sektor pertanian, pengawalan harga, dan pembentukan dana kecemasan yang diperlukan oleh masyarakat.

### **Peranan Bank dan Institusi Islam**

Institusi kewangan Islam turut menyumbang dengan menyediakan pinjaman tanpa faedah (qard al-hasan) dan pilihan pembiayaan fleksibel untuk pembekal makanan. Kontrak salam, yang

membenarkan pendahuluan bayaran untuk barang yang akan dihantar pada masa akan datang, turut digunakan untuk menjamin bekalan makanan masa depan, malah membantu menstabilkan harga makanan semasa pandemik. Akad salam merupakan salah satu instrumen ekonomi Islam yang terpuji, digariskan dalam syariat sebagai solusi yang praktikal dan adil dalam transaksi jual beli. Ia memberikan peluang kepada pihak yang memerlukan modal segera untuk menghasilkan barang yang telah dijanjikan spesifikasinya. Dalam konteks keselamatan makanan, akad salam berperanan penting dalam memastikan ketersediaan makanan asas secara mapan.

Dalam pengertian bahasa, salam membawa maksud "penjualan sesuatu dalam tanggungan dengan bayaran segera".

#### **Definisi Salam dari Segi Istilah Fiqh:**

1. Mazhab Hanafi: Salam adalah akad jual beli di mana barang tidak tersedia sewaktu akad berlangsung, tetapi spesifikasinya telah ditentukan, dan pembayaran dilakukan sepenuhnya di awal akad (al-Sarakhsy, 1989).
2. Mazhab Maliki: Salam ialah kontrak di mana pembayaran dilakukan terlebih dahulu untuk barang yang akan diserahkan pada masa hadapan yang telah ditetapkan (Dirdir, t.t.).
3. Mazhab Syaf'i: Salam merujuk kepada akad pembelian sesuatu yang spesifikasinya jelas dalam tanggungan, dengan pembayaran dibuat sepenuhnya pada awal kontrak (Rafie, t.t.).
4. Mazhab Hambali: Salam diistilahkan sebagai transaksi jual beli dalam tanggungan dengan bayaran penuh yang dilangsangkan pada awal perjanjian (al-Buhuti, 1983).

Dalil pensyariatan akad salam adalah berdasarkan berfirman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah (ayat 282):

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَآيَتُم بِدَيْنِ إِلَى أَجَلٍ مُسَمًّى فَاکْتُبُوهُ

"Wahai orang-orang yang beriman, apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang-piutang untuk waktu yang ditentukan, maka tulislah..."

Ayat ini secara tidak langsung memperkenalkan prinsip transaksi bertangguh, termasuk akad salam.

Dalil Hadis. Rasulullah SAW bersabda ketika penduduk Madinah menjalankan akad salam:

عن عبدالله بن عباس رضي الله عنه قال: قدم رسول الله صلى الله عليه وسلم المدينة وهم يسلفون في الشمار السنة والستين والثلاث، فقال: "من أسلف في شيءٍ فليسلف في كيل معلوم وزن معلوم إلى أجل معلوم".

"Barangsiapa melakukan salam, hendaklah ia menentukan ukuran, timbangan, dan waktu penyerahan dengan jelas."

(HR Bukhari dan Muslim)

Kelebihan akad salam memberi kemudahan mendapatkan modal dan ini membantu petani dan pengusaha kecil mendapatkan modal segera untuk memulakan atau meningkatkan pengeluaran. Akad salam juga menjamin kesinambungan bekalan makanan melalui mekanisme perancangan awal antara pembeli dan pengeluar. Akad ini menanamkan prinsip kepercayaan dan tanggungjawab bersama antara kedua-dua pihak yang berkontrak.

Akad salam boleh diaplikasikan untuk mengukuhkan sokongan kepada sektor pertanian, khususnya dalam memastikan kelangsungan pengeluaran bahan makanan asas.

Bahkan mengurangkan risiko krisis bekalan. Salam dapat memainkan peranan penting dalam mengurangkan ketergantungan kepada bekalan makanan luar negara dan menyokong daya tahan ekonomi dalaman (Hamid, 2015).

Akad ini selari dengan tujuan maqasid syariah yang mengutamakan perlindungan terhadap nyawa dan sumber kehidupan melalui penyediaan makanan yang mencukupi.

Kesimpulannya, akad salam bukan sahaja merupakan salah satu instrumen ekonomi yang berpandukan syariat, tetapi ia juga menyediakan asas yang kukuh dalam menjamin keselamatan makanan bagi masyarakat Islam. Dalam menghadapi cabaran globalisasi dan ancaman kekurangan makanan, penerapan akad salam boleh menjadi pemangkin kepada keberdayaan ekonomi dan kelangsungan hidup yang mapan.

### **Keberkesanan Prinsip Fiqh Islam dalam Menjamin Keselamatan Makanan**

Prinsip-prinsip fiqh Islam seperti maslahah, adl, dan penghindaran gharar terbukti relevan dalam menangani isu keselamatan makanan, terutama semasa krisis pandemik COVID-19. Pendekatan ini memberikan asas etika dan keadilan dalam mengatur bekalan makanan serta melindungi kepentingan masyarakat.

### **Peranan Instrumen Kewangan Islam**

- i. Zakat dan Sedekah: Instrumen ini berfungsi sebagai mekanisme bantuan segera untuk meringankan kemiskinan dan meningkatkan akses kepada makanan asas.
- ii. Sukuk: Sukuk pertanian menyediakan pembiayaan untuk projek-projek berkaitan makanan, memastikan kesinambungan bekalan makanan tempatan dan meningkatkan daya tahan sektor pertanian.
- iii. Akad Salam: Akad ini membolehkan petani dan pengusaha kecil mendapatkan modal awal, sekali gus memastikan keberlanjutan pengeluaran makanan asas.

### **Peranan Institusi Kewangan Islam**

Institusi kewangan Islam memainkan peranan penting dengan menyediakan pembiayaan berasaskan syariah seperti qard al-hasan dan kontrak salam untuk menyokong kestabilan bekalan makanan serta membantu menstabilkan harga semasa krisis.

### **Keutamaan Pemerintah dalam Menjamin Maslahah Umum**

Penglibatan pemerintah dalam memastikan keterjaminan makanan melalui penetapan harga adil, kawalan pasaran, dan sokongan terhadap sektor pertanian adalah selaras dengan prinsip maslahah syariah. Contohnya, penggunaan kaedah at-tas'ir (penetapan harga) dibenarkan apabila terdapat keperluan mendesak untuk melindungi pengguna.

### **Kepentingan Pengawalan Kezaliman dalam Muamalah**

Unsur kezaliman seperti gharn (penipuan atau ketidakseimbangan harga) dalam jual beli dikenalpasti sebagai ancaman kepada keadilan dalam keterjaminan makanan. Oleh itu, fiqh Islam menggariskan hak pembatalan kontrak bagi melindungi pihak yang dirugikan.

### **Keterkaitan Cukai dengan Keselamatan Makanan**

Cukai yang dilaksanakan mengikut batasan syariah dapat digunakan untuk membiayai pembangunan infrastruktur pertanian, memberi subsidi kepada petani, dan membentuk dana kecemasan bagi menghadapi bencana atau gangguan bekalan makanan.

### **Relevansi Pendekatan Fiqh dalam Pengurusan Krisis**

Fiqh Islam menawarkan fleksibiliti dalam menangani situasi luar jangka seperti pandemik, dengan pendekatan ijihad yang mengambil kira konteks semasa dan keperluan masyarakat.

## Kesimpulan dan Cadangan

Fiqh Islam menawarkan kerangka komprehensif dan dinamik dalam menangani cabaran keselamatan makanan, khususnya dalam konteks krisis global seperti pandemik COVID-19. Prinsip-prinsip seperti keadilan (*adl*), *maslahah* (kesejahteraan umum), dan penghindaran *gharar* (ketidakpastian) membuktikan relevansinya dalam memastikan keterjaminan makanan secara lestari dan beretika. Instrumen kewangan Islam seperti zakat, sadaqah, sukuk, dan akad salam memainkan peranan penting dalam mendukung pengeluaran makanan dan kestabilan pasaran, di samping menggalakkan keadilan dalam muamalah.

Pandemik ini juga menekankan keperluan untuk merangka dasar dan pendekatan baharu yang mengintegrasikan prinsip fiqh dalam pembangunan ekonomi, pengurusan sumber, dan pengawalan harga makanan. Peranan institusi kewangan Islam, melalui penyediaan pembiayaan berdasarkan syariah, semakin signifikan dalam membantu masyarakat menghadapi cabaran keterjaminan makanan.

Oleh itu, kerangka *fiqh* Islam bukan sahaja membantu menangani masalah keselamatan makanan dalam jangka pendek tetapi juga memberikan asas yang kukuh untuk membangun sistem yang lebih mampan, adil, dan responsif terhadap keperluan masa hadapan. Artikel ini menyeru pihak berkuasa, pembuat dasar, dan masyarakat umum untuk terus mengaplikasikan pendekatan fiqh ini demi memastikan kestabilan sosio-ekonomi dan kesejahteraan komuniti dalam era pasca pandemik.

## RUJUKAN

Al-Quran.

Hadis.

Ad-Dusūqī, A. ad-D., & Alīsh, M. (n.d.). Ḥāshiyat ad-Dusūqī ‘alā ash-sharḥ al-kabīr. ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī.

Al-‘Ajlān, F. S. (2021). Al-Muḥarrar fī as-siyāsah ash-shar‘iyyah. Āfāq al-Ma‘rifah.

Ash-Shubaylī, Y. (n.d.). Mudhakarat mu‘āmalāt māliyah al-mu‘āṣirah.

Ash-Shaikh, A. b. H. (2020). *Ad-darā'ib wa ar-rusūm: Dirāsah fiqhīyyah muqāranah*. King Abdul Aziz University.

At-Tarhūnī, T. 'A. (2019). *Ad-darībah fī al-fiqh al-islāmī: Dirāsah muqāranah*. Madinah International University - Islamic Studies Faculty.

Az-Zahrānī, J. b. Ḥ. Y. Ḥ. (2015). 'Aqd as-salam wa tatbīqātuh al-mu'āṣirah - dirāsah fiqhīyyah. *Majallat al-Buhūth wa ad-Dirāsāt ash-Shar'iyyah*, A. F. M. Idrīs.

Buhuti, M. Y. I. (1983). *Kashāf al-Qinā*. Dar Alim Al-Kutb.

Fatah, A. B. (1436 H). *Istithmār aṣ-ṣukūk al-Islāmiyyah*. Dar Nafais.

Hay'ah al-Muḥāsabah wa al-Murāja'ah lil-Mu'assasāt al-Māliyah al-Islāmiyyah. (2003/2007). *Al-ma'āyīr ash-shar'iyyah*.

Ibn Najīm, Z. d., & Ibn 'Ābidīn. (1997). *Al-bahr ar-rā'iq sharḥ kanz ad-daqā'iq*, wa ma'ah minḥat al-khāliq (T. al-'Ilmiyyah).

Ibn Taymiyyah, A. b. (1422 H). *Al-qawā'id an-nūrāniyyah al-fiqhiyyah* (T: al-Khalīl). Dār Ibn al-Jawzī.

Ismail, A. S. (2022). *Al-Ahkam al-Fiqhiyyah al-Muta'alliqah bi al-Amn al-Ghizai wa Tatbiqatha al-Mu'asirah*. Riyadh: Unpublished thesis, Imam Muhammad Bin Saud Islamic University.

Majma' al-Lughah al-'Arabiyyah bi al-Qāhirah. (n.d.). *Al-mu'jam al-wasīṭ*. Dār ad-Da'wah.

Mīrah, Ḥ. Ḥ. (n.d.). *Ṣukūk al-istithmār*. Muntaqā al-Ma'āyīr ash-Shar'iyyah, at-Tibyān.

Raff'e, A. K. M. (n.d.). *Fath al-'Azīz bi Sharḥ al-Wajīz*. Dar Al-Fikr.

Sarakhsī, M.A. (1989). *Al-Mabsut*. Beirut: Dar Al-Makrifah.

Sharīf, H. M. Ḥ. (2013). *Ad-darībah an-nisabiyyah wa at-taṣā'udiyyah min manzūr ash-sharī'ah al-islāmiyyah*. *Al-Jam'iyyah al-Miṣriyyah lil-Māliyah al-'Āmmah wa ad-Darā'ib*.

Shubrumi, S. R. (2016). *Al-Amn al-Ghizai Dirasat al-Fiqhiyyah*. Riyadh: Unpublished thesis, Imam Muhammad Bin Saud Islamic University.

Sufyani, I. A. (2020). Al-Ann al-Ghizai fi Thil Jaahizat Korona (Dirasat Fiqhiyah). Makkah: Ummul Qura University.

Umar, Z. (2013). At-Taṣkīk wa dawruhu fī taṭwīr sūq māliyah islāmiyyah. Al-Wāraq lil-Nashr wa at-Tawzī‘.

Yūsuf, ‘A. R. T. (2016). As-ṣukūk al-zirā‘iyah fī al-fiqh al-islāmī. Jordan University.